



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

ZIARAH KASIH MERDEKA: JPA KENANG JASA PESARA YANG MEMBINA DAN MEMPERTAHANKAN NEGARA

AMPANG, 20 OGOS 2026 – Sempena sambutan Bulan Kebangsaan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenang jasa dan pengorbanan lima pesara kerajaan yang pernah menyumbang kepada perjalanan negara, daripada era sebelum kemerdekaan sehingga usaha mempertahankan keamanan dan kedaulatan tanah air. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Tan Sri Dr. Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, menyantuni pesara menerusi Program Santuni Pesara (Ziarah Kasih Merdeka) di sekitar Lembah Klang, hari ini.

Program yang dilaksanakan bersempena Bulan Kebangsaan ini bukan sahaja menjadi tanda keprihatinan JPA terhadap kebajikan pesara perkhidmatan awam, malah membawa makna lebih besar sebagai penghargaan terhadap generasi terdahulu yang telah mencurahkan khidmat bakti demi pembentukan, keamanan dan kedaulatan negara.

Daripada lima pesara yang disantuni, dua daripadanya telah memulakan perkhidmatan sebelum negara mencapai kemerdekaan, sekaligus menjadi sebahagian daripada generasi yang menyaksikan dan menyumbang kepada perjalanan negara menuju kemerdekaan.

Encik Samy @ Thambirajah A/L Ponnusamy, 94, mula berkhidmat di Keretapi Tanah Melayu pada 15 Januari 1951. Beliau terlibat dalam urusan persiapan ambang kemerdekaan dan sambutan Hari Kemerdekaan, termasuk menguruskan perjalanan kereta api serta pergerakan pengunjung ke Stadium Merdeka ketika detik bersejarah tersebut.

YBhg. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pawan Teh, 96, yang memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1 April 1953 dan pernah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia. Beliau memainkan peranan secara langsung dalam usaha perang saraf dengan menyampaikan maklumat bagi mendapatkan sokongan rakyat terhadap usaha kerajaan menentang ancaman komunis. Peranan beliau sebagai pentadbir turut membantu membina asas kepada sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Selepas kemerdekaan dicapai, keamanan negara terus diuji dan dipertahankan oleh anggota pasukan keselamatan yang sanggup mempertaruhkan nyawa demi tanah air.

Encik Ismail bin Rejab, 76, bekas Koperal Batalion ke-17, Rejimen Askar Melayu Diraja, pernah terlibat dalam serang hendap pengganas komunis di Kedah pada 1975 yang mengorbankan tujuh anggota pasukan keselamatan serta mencederakan lapan yang lain. Beliau sendiri mengalami kecederaan di bahagian pinggang.

YM Raja Musa bin Raja Abdul Rahman, 74, bekas Mejar, pula terlibat dalam Ops Gerakan di Bentong, Pahang pada 1978 dan terkena jerangkap samar yang dipasang tentera komunis sehingga menyebabkan beliau kehilangan penglihatan mata kanan serta kaki kanan.

YBhg. Dato' Kamaruddin bin Hamzah, 82, bekas Deputy Komisioner Polis (DCP), pernah mengetuai satu konvoi pasukan keselamatan yang diserang hendap pengganas komunis dalam perjalanan dari pangkalan Pasukan Polis Hutan Kroh menuju Betong pada 1968. Beliau turut terlibat dalam pertempuran menentang komunis semasa peristiwa Ban Na Lee pada tahun yang sama.

Kisah lima pesara ini menggambarkan bahawa kemerdekaan yang dinikmati hari ini bukan hanya lahir daripada satu detik sejarah, tetapi turut dibina dan dipertahankan melalui khidmat bakti, keberanian serta pengorbanan generasi terdahulu dalam pelbagai bidang.

Melalui Program Santuni Pesara, JPA terus menzahirkan penghargaan kepada pesara perkhidmatan awam yang telah menabur bakti kepada negara, di samping mendekati mereka secara langsung bagi memastikan aspek kebajikan dan kesejahteraan terus diberi perhatian.

Sempena Bulan Kebangsaan, kisah dan pengorbanan mereka wajar terus dikenang sebagai sebahagian daripada legasi negara serta menjadi peringatan kepada generasi hari ini bahawa kemerdekaan, keamanan dan kemajuan yang dikecapi bukan sesuatu yang datang tanpa harga.

Jasa mereka mungkin tercatat dalam sejarah, namun maknanya terus hidup dalam negara yang kita nikmati hari ini.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 20 Ogos 2026
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (62)